



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj. Kami : PTG/PM/WA/718/PELBAGAI VII(17)
Tarikh : 13 Disember 2022

Penang Bar Committee
No 4, Green Hall
10200 PULAU PINANG

REHDA Penang
Unit 6, 5th Floor
Axist Complex
35, Cantonment Road
10350 PULAU PINANG

Tuan,

PERLANJUTAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH/ *HOME OWNERSHIP CAMPAIGN* (HOC 3.0) DAN DASAR RANSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang telah melanjutkan Kempen Pemilikan Rumah/ *Home Ownership Campaign* (HOC 3.0) dan Dasar Ransangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 bermula pada 1 Januari 2023 dan akan berakhir pada 31 Disember 2023.

3. Sehubungan dengan itu, kempen tersebut telah menawarkan beberapa perkara kepada warganegara asing/ syarikat asing yang ingin memiliki hartanah di Pulau Pinang. Antara tawaran tersebut ialah:

- i. Pengurangan harga had siling bagi pembelian hartanah yang dibenarkan untuk warganegara asing/ syarikat asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh antara 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja dikurangkan seperti jadual di bawah :

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

Jenis Hartanah	Lokasi	Had Siling Semasa (RM)	Had Siling Baharu (RM)	Peratus Pengurangan
Hartanah Berstrata	Kawasan Pulau	1,000,000.00	700,000.00	30%
	Kawasan Seberang Perai	500,000.00	400,000.00	20%
Hartanah Landai	Kawasan Pulau	3,000,000.00	1,500,000.00	50%
	Kawasan Seberang Perai	1,000,000.00	750,000.00	25%

- ii. **Pengurangan Fi Permohonan sebanyak 50%** untuk warganegara asing/syarikat asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh antara 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja seperti jadual di bawah:

Jenis Permohonan	Kadar Semasa	Kadar Baharu
Kediaman	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM5,000.00 per plot (individu) • RM10,000.00 per plot (syarikat) • RM1,000.00 per plot (PR)
Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000.00 per plot (individu) • RM40,000.00 per plot (syarikat) • RM4,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR)
Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • RM20,000.00 per plot (individu) • RM40,000.00 per plot (syarikat) • RM4,000.00 per plot (PR) 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000.00 per plot (individu) • RM20,000.00 per plot (syarikat) • RM2,000.00 per plot (PR)

- iii. **Pengecualian 100% bayaran kelulusan (levi)** akan diberikan kepada warganegara asing/ syarikat asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh di antara 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja.

4. Oleh yang demikian, mohon pihak tuan mengambil maklum akan perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD FARULIZAM BIN CHE MEH)
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

s.k

YB Tuan Jagdeep Singh Deo
Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat
Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 53, KOMTAR
10503 PULAU PINANG